

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29 APRIL 2015

# Najib tidak menyerah kalah

BH - 29/4/2015

**Kuala Lumpur:** Walaupun di-asak serta dikritik pedas oleh pelbagai pihak, Datuk Seri Najib Razak bertekad kerajaan pimpinannya akan terus berusaha memajukan rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata, beliau bersama Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, barisan menteri dan anggota pentadbiran bersedia untuk meneruskan perancangan dan terus mencari jalan menabur bakti.

"Walau dilintang dengan seribu aral, biarpun kita sedang diasak dan dikritik, sebagai sebuah kerajaan yang telus, saya

selaku Perdana Menteri, bersama-sama Yang Amat Berhormat Timbaian Perdana Menteri dan didukung pula oleh menteri serta rakan anggota pentadbiran, tidak akan sekali-kali berganjak atau menyerah kalah.

"Malah, tetap beristiqamah dan bejuang meintis sejuta lagi jalan baharu demi kebaktian kepada rakyat dan negara," katanya ketika membentangkan Laporan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) 2014 di sini malam tadi.

Sejak akhir-akhir ini, pentadbiran Najib dikritik oleh banyak

pihak, termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang turut memintanya melepaskan jawatan.

## Tidak diselubungi emosi

Najib juga mengajak rakyat berfikir dengan matang dan tidak diselubungi emosi dalam menghakimi kerajaan dan usaha murni membangunkan negara.

"Tiada kalimah yang dapat menyuratkan, tiada ibarat sebagai umpama untuk melukiskan betapa pentingnya bagi kita memiliki jiwa yang besar dalam perjuangan membangunkan tanah air," katanya.

Beliau juga menegaskan sekali lagi cita-cita murni tidak padam, kerajaan tidak akan keceorangan dan tidak hilang haluan serta pedoman.

"Marilah kita jauhkan segala sengketa dan mencari titik persamaan demi kemakmuran sebuah Malaysia. Yakin

dan percayalah, apabila kebenaran telah memancar dan menampakkan diri kelak, akan gugurlah segala nista dan tohmahan," katanya.

Beliau juga mengingatkan bahawa mana-mana negara mahupun tamadun di dunia, tidak dibina sekelip mata atau dengan cara tidak semena-mena.

Sebahknya, sebuah watan yang bejaya, didirikan atas perencanaan dan perancangan sistematik pentadbiran kerajaan.

"Amatlah mustahak, rakyat perlu tahu bahawa sejak hampir 60 tahun selepas mencapai kemerdekaan, negara ini diterajui oleh Barisan Nasional berlandaskan pentadbiran yang cekap lagi sistematik. Ditunjangi pula dengan kukuhnya oleh penjawat awam berasaskan wawasan bapa pimpinan tanahair sejak dulu," katanya.